

ISSUE
JAN 2020



E-ISSN: 2684-8139

Islam Universalia

International Journal of Islamic Studies and Social Sciences

Aini Sofia, Berhanuddin Abdullah

The Need of Muslim Women in
Contemporary Preaching Towards The
Society

R. Fakhurrrazi

Adultery and Rape in Qanun Jinayat
Aceh: Formulation Analysis of
Istinbath Method

Faisal Faliyandra

Education Communication Model in
Social Media in The Era of
Technological Development

**Muksal, Arroyyan Ramly,
M Shabri Abd Majid, Mirna Indriani**

Effects of Capital and Type of
Business on Coastal Muslim Women's
Business Income in Aceh Province

M. Nur Hadi

Mubadalah Perspective: A
Progressive Reading on Book of
*Dhau' Al-Mishbah fi Bayani Ahkam
An-Nikah*

Vol 1

NO. 3
JAN 2020

<https://www.ejournal.cyberdakwah.com>

Received: 31 Oktober 2019; **Revised:** 12 January 2020; **Accepted:** 17 January 2020
Published: 29 January 2020

THE NEED OF MUSLIM WOMEN IN CONTEMPORARY PREACHING TOWARDS THE SOCIETY

KEPERLUAN PENDAKWAH MUSLIMAH DALAM DAKWAH KONTEMPORARI KEPADA MASYARAKAT

Aini Sofia Che Daud¹, Berhanundin Abdullah²

^{1,2} Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal
Abidin (UniSZA), Terengganu.

Abstract

Women's participation and engagement as Islamic preachers nowadays indeed play an imperative role in preaching (messegas da'wah) towards Islam. Their involvement have becoming a main contributor in reaching out to the community about Islam. The study is conducted due to the lack of preachers among women who are directly involve in preaching the society. Besides, this study is also conducted after considering their weaknesses in using contemporary approaches, lack of information and ability to give out opinion in solving current issues pertaining to women. Their roles in delivering the content of da'wah that focus on the aspect of women and society that are based on the Qur'an and Sunnah are undisputable. Therefore, the objective of this study is to investigate the need of Muslim women in delivering contemporary and Islamic teaching about messegas da'wah to the society from the perspective of the Qur'an. This study will employed qualitative method by using documentations supported using verses from the Qur'an, Hadith and views from Islamic scholars about the work at hand. The finding from this study showed that women play significant roles in delivering the messegas da'wah especially in the issues such as in faith, sharia, morals and current women issues based on the verses from the Qur'an. This might be due to the fact that women

preachers use a more feminine, personal and empathy approach that might be more effective in delivering Islamic messages and teaching.

Keywords: *Method of Da'wah, Messages of Da'wah, Muslim Women, Roles.*

Abstrak

Penglibatan pendakwah wanita dalam medan dakwah kini turut menjadi penyumbang utama dalam proses penyampaian dakwah kepada masyarakat. Kajian dilakukan memandangkan kurang pendakwah wanita yang melibatkan diri secara langsung dalam dakwah kepada masyarakat, kelemahan mereka menggunakan pendekatan kontemporari, kelemahan maklumat dan keupayaan mengeluarkan pandangan bagi menyelesaikan isu semasa wanita. Justeru pentingnya peranan wanita Islam dalam menyampaikan isi kandungan dakwah yang memberi fokus kepada aspek berkaitan wanita dan masyarakat berlandaskan kepada sumber utama iaitu al-Quran dan sunnah. Oleh demikian, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji keperluan wanita Islam dalam menyampaikan dakwah kontemporari dan mesej dakwah kepada masyarakat menurut perspektif al-Quran. Kajian ini menggunakan metod kualitatif yang merupakan kajian berbentuk dokumentasi disertakan dengan dalil-dalil al-Quran, Hadith dan pandangan beberapa pengkaji dakwah berkenaan tajuk kajian. Hasil kajian mendapati bahawa wanita mempunyai peranan yang amat besar dalam menyampaikan mesej dakwah seperti isu akidah, syariah, akhlak dan isu semasa wanita dan masyarakat dengan berlandaskan kepada dalil-dalil al-Quran. Ini kerana penyampaian pendakwah muslimat lebih tertutup dan terkesan dengan pendekatan yang lebih bersifat kewanitaan dan kekeluargaan.

Kata Kunci: *Uslub Dakwah, Mesej Dakwah, Wanita Islam, Peranan.*

Pendahuluan

Dakwah merupakan satu kewajipan dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh para pendakwah lelaki mahupun wanita kepada masyarakat. Tambahan pula, dengan kemunculan

pendakwah muslimah dalam medan dakwah menjadi nilai tambah kepada peningkatan dakwah dan bukanlah dianggap sesuatu yang asing lagi pada era kini dan juga lampau. Keberanian wanita Islam dalam menyampaikan dakwah ini telah lama masyhur seiring dengan dakwah yang dijalankan oleh Rasulullah SAW lagi. Kehebatan *ummahatul mukminin* (isteri-isteri Rasulullah SAW) dapat dijadikan sebagai contoh dalam memainkan peranan besar menyampaikan dakwah sebagai wanita Islam (Azyyati, 2012). Hal ini juga bertepatan dengan kewajipan menyampaikan dakwah kepada masyarakat sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Imran (3:104):

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ
عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Dan hendaklah ada diantara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah daripada yang mungkar. Mereka itulah orang yang beruntung.

Oleh demikian, dakwah secara umumnya memberi erti menyeru, mengajak, dan meyakinkan mad'u untuk menerima sesuatu kepercayaan dan penyampaian dakwah. Menurut Nor Raudah (2013) dalam Louis Ma'luf (1927), dakwah dari perkataan dasar *da'a* (دعا), *yad'u* (يدعو) masdarnya ialah *da'wa* (الدعوي) dan *du'a*, justeru dakwah bererti seruan, panggilan dan ajakan. Manakala menurut Ab. Aziz Mohd Zin (2001), mesej

dakwah pula ialah mesej atau isi kandungan dakwah yang disampaikan oleh da'i kepada mad'u.

Pentingnya bagi pendakwah muslimah untuk mengetahui mesej dakwah ini kerana ianya merupakan salah satu daripada rukun-rukun dakwah yang empat dan merupakan tunjang terpenting dalam menyebarkan agama Islam.

Seterusnya, sebelum menyempurnakan tanggungjawab dakwah kepada masyarakat, para pendakwah perlu mengetahui apakah mesej dakwah yang sesuai disampaikan kepada masyarakat khususnya kepada kaum hawa. Hal ini dilakukan untuk menyesuaikan dakwah kepada mad'u dan mendorong mereka agar membuat kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran berpandukan kepada mesej dakwah yang sesuai. Perlu dijelaskan juga kepada masyarakat, mesej dakwah yang sebenar adalah isi kandungan dakwah yang menepati dengan al-Quran dan sunnah nabawiyah. Selain itu, menurut al-Qaradawi (1977) dalam Nor Raudah (2013) mesej dakwah yang diambil hendaklah jauh dari sebarang unsur penyelewengan agar mesej dakwah tersebut dapat disampaikan dengan licin dan berkesan serta terhindar daripada kesan-kesan sampingan negatif yang boleh mencacatkan imej Islam.

Oleh demikian, pentingnya bagi pendakwah muslimah untuk mengetahui mesej dakwah ini kerana ianya merupakan salah satu daripada rukun-rukun dakwah yang empat dan merupakan tunjang terpenting dalam menyebarkan agama Islam. Ini supaya pendakwah dapat menyampaikan dakwah dengan baik

dan memberikan kesan dalam kehidupan masyarakat, khususnya kepada para mad'u sama ada beragama Islam atau sebaliknya.

Mesej dakwah merupakan elemen yang menjadi keutamaan dalam penyampaian dakwah Islam. Asas bagi mesej dakwah ialah Islam yang meliputi isu akidah, syariah dan juga ibadah (Nor Raudah, 2013). Maklumat Islam atau aspek isi kandungan dakwah yang lainnya juga merangkumi aspek-aspek penting dalam sosial masyarakat seperti kekeluargaan, pendidikan, perundangan, ekonomi, hubungan manusia, kepimpinan, budaya, dan sebagainya lagi. Oleh itu, pendakwah muslim perlu mengetahui bagaimana cara untuk menyesuaikan sesuatu mesej dakwah dengan sasaran dakwah agar penyampaian dakwah tersebut berkesan dengan baik (Ab Aziz Mohd Zin, 2006).

Sebelum menyampaikan mesej dakwah, para pendakwah muslimah ini perlulah menitikberatkan aspek uslub dakwah yang digunakan oleh mereka. Menurut Fariza Hanan Muhammad et.al (20016) uslub dakwah merupakan satu cara atau metod yang digunakan oleh pendakwah dalam menarik minat mad'u supaya menerima ajaran Islam yang disampaikan seterusnya mengamalkan ajaran tersebut dalam kehidupan mereka.

Justeru itu, pentingnya tugas pendakwah muslimah dalam menyampaikan dakwah dengan menggunakan pelbagai pendekatan yang lebih sesuai dengan cabaran wanita masa kini. Antara contohnya seperti menonjolkan citra jadi diri atau peribadi yang baik agar dapat dijadikan contoh atau teladan

kepada masyarakat. Ciri-ciri peribadi ini adalah sifat-sifat mahmudah yang sepatutnya dimiliki oleh setiap wanita agar terpancar kesannya kepada tingkah laku zahiriah. Antara ciri-ciri tersebut ialah sebagaimana ciri yang telah digariskan oleh Allah SWT menerusi ayat 35 surah al-Ahzab. Di dalam ayat tersebut Allah SWT telah menggariskan sepuluh ciri-ciri mukmin yang dapat dicapai baik oleh laki-laki mahupun wanita (Sharifah Norshah Bani, 2018).

Seterusnya, antara pendekatan lain yang dapat dilaksanakan oleh pendakwah muslimah dalam dakwah ialah dengan melibatkan diri dalam kegiatan persatuan atau Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang giat menjalankan tugas dakwah ini. Dengan melibatkan diri dalam persatuan atau NGO, pendakwah muslimah dapat melihat secara lebih luas peranan yang perlu mereka lakukan, contohnya seperti peranan yang dilaksanakan oleh pendakwah muslimah dalam NGO dalam menyelesaikan permasalahan remaja dalam kajian Azyyati Mohd Nazim (2015). Pertamanya perlu mengenali para remaja berisiko dan menganalisis pengaruh aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh pendakwah muslimah NGO, kemudian mengambil langkah memilih uslub yang lebih sesuai.

Selain itu, sebagai pendakwah muslimah sudah pasti tidak terlepas daripada sebarang cabaran yang dihadapinya. Terdapat pelbagai cabaran dan halangan yang mesti diselesaikan oleh pendakwah wanita dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat serta potensi mereka dalam memainkan peranan

sebagai pemimpin umat Islam dalam membina sebuah masyarakat Islam di Malaysia (Mimi Hanida Abdul Mutalib (2011). Seterusnya Nor Hanani Mohd Noor (2010) pula menjelaskan tentang peranan yang perlu dimainkan oleh pendakwah muslimah dalam dakwah mengikut perspektif sūrah Āli ‘Imrān dan menggunakan pendekatan dakwah yang dianjurkan tersebut. Antara peranan yang dinyatakan ialah dengan berpandukan dakwah muslimah menurut al-Quran, seperti peranan wanita sebagai pembantu lelaki, sebagai pendidik, sebagai pentadbir rumah tangga dan sebagainya lagi.

Secara kesimpulannya, kajian ini memenuhi lompang kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji lepas dengan membincangkan keperluan yang perlu ada pada pendakwah muslimah dalam menyampaikan dakwah kontemporari kepada masyarakat. Antaranya adalah dengan mempunyai ciri-ciri peribadi pendakwah wanita, memahami tanggungjawab sebagai pendakwah wanita, dan menyampaikan dakwah dengan menggunakan isi kandungan dakwah yang sesuai kepada masyarakat.

Kajian ini dijalankan adalah untuk menyatakan beberapa keperluan pendakwah muslimah dalam menyampaikan dakwah kontemporari kepada masyarakat. Pengkaji juga ingin meneliti penampilan pendakwah muslimah dan mengemukakan beberapa mesej dakwah yang dapat diaplikasikan oleh pendakwah wanita dalam misi dakwah mereka. Seterusnya melalui kajian ini juga pengkaji dapat menyediakan satu rujukan dan panduan kepada

para pendakwah wanita lain untuk melaksanakan peranan dakwah kepada masyarakat menurut panduan wahyu yang sebenar.

Metodologi

Menerusi kajian ini pengkaji telah menggunakan kajian perpustakaan melalui metod kualitatif iaitu satu metod yang berbentuk deskriptif, berupa kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat dilihat dan diperhatikan (Taylor & Bogdan, 1984). Justeru itu, melalui kajian ini pengkaji menggunakan kaedah dokumentasi dengan melakukan kajian terhadap dokumen yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Seterusnya dokumen tersebut diolah dan dibuat rumusan akhir. Antara dokumen yang terpilih seperti kitab-kitab tafsir, kitab-kitab hadis sahih, hasil kajian-kajian lepas yang berbentuk buku, artikel, jurnal dan beberapa sumber lain daripada sumber hasil penulisan.

Pembahasan

Ciri-Ciri Peribadi Pendakwah Wanita

Sebelum seorang pendakwah itu bertindak dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat, mereka perlu memiliki ciri-ciri peribadi yang unggul agar dapat dijadikan sebagai dakwah *bi al-hal* kepada masyarakat. Ciri peribadi pendakwah muslimah ini merupakan sifat mahmudah yang perlu ada dalam diri wanita agar terzahirnya peribadi dan tingkah laku

sebagai seorang pendakwah yang dapat diteladani oleh masyarakat. Ciri-ciri ini sebagaimana sifat-sifat orang mukmin yang dinyatakan dalam Tafsir Ibnu Kathir J.7 (2011) menerusi firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 35:

إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْقَانِتِينَ
وَالْقَانِتَاتِ وَالصَّادِقِينَ وَالصَّادِقَاتِ وَالصَّابِرِينَ وَالصَّابِرَاتِ
وَالْخَاشِعِينَ وَالْخَاشِعَاتِ وَالْمُتَصَدِّقِينَ وَالْمُتَصَدِّقَاتِ وَالصَّامِينَ
وَالصَّامَاتِ وَالْحَافِظِينَ وَالْحَافِظَاتِ وَالذَّاكِرِينَ اللَّهَ كَثِيرًا
وَالذَّاكِرَاتِ أَعَدَّ اللَّهُ لَهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا

Sesungguhnya lelaki dan perempuan muslim, lelaki dan perempuan mukmin, lelaki dan perempuan yang tetap dalam ketaatannya, lelaki dan perempuan yang benar, lelaki dan perempuan yang sabar, lelaki dan perempuan yang khusyuk, lelaki dan perempuan yang bersedekah, lelaki dan perempuan yang berpuasa, lelaki dan perempuan yang memelihara kehormatan, lelaki dan perempuan yang banyak menyebut nama Allah, Allah telah menyediakan untuk mereka keampunan dan pahala yang besar.

Menerusi tafsiran Tafsir Ibnu Kathir J.7 (2011), firman Allah SWT menerusi ayat 35 surah al-Ahzab ini diturunkan setelah berlaku satu peristiwa iaitu, Imam Ahmad meriwayatkan, ‘Affan bercerita kepada kami, ‘Abdul Wahid bin Ziyad bercerita kepada kami, ‘Utsman bercerita kepada kami, bahawa ‘Abdurrahman bin Syaibah berkata : Aku mendengar Ummu Salamah R.A, isteri Nabi SAW berkata : Aku bertanya kepada

Rasulullah SAW : “Mengapa kami (kaum wanita) tidak disebutkan di dalam al-Quran sebagaimana disebutkannya laki-laki?” Beliau tidak menjawab hal tersebut kecuali beliau berseru di atas mimbar. Saat itu aku sedang mengurai rambutku, lalu aku gulung rambutku itu dan aku keluar dari kamar rumahku. Aku mendengar sesuatu di sisi pelepah kurma, tiba-tiba aku mendengar beliau SAW bersabda di atas mimbar:

إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ

hingga ke akhir ayat” (Ahmad bin Hanbal, 2001, J.44, No Hadis 26575).

Ayat 35 menerusi surah al-Ahzab ini merupakan janji baik daripada Allah SWT kepada wanita dan lelaki yang mentaati-Nya dan dalam ayat tersebut Allah SWT telah menggariskan sepuluh sifat atau ciri peribadi yang boleh dicapai oleh wanita sebagaimana yang dicapai oleh lelaki iaitu *muslimat*, *mukminat*, *qanitat*, *sadiqat*, *sabirat*, *khasyiat*, *mutasoddiqat*, *saimat*, *hafizat al-furuj* dan *dhakirat al-Allah*. Ciri-ciri tersebut seterusnya telah dibahagikan kepada tiga (3) komponen penting iaitu komponen akidah, komponen ibadah dan juga komponen akhlak (Sharifah Norshah Bani, 2018).

1. Komponen Akidah

Pengertian akidah menurut Abdul Karim Zaidan (2002), beliau mengatakan akidah bermaksud keyakinan yang teguh terhadap Allah SWT dan keyakinan tersebut lahir menurut kerelaan diri sendiri sebagaimana pengertian Islam. Islam

merupakan ketundukan, penyerahan diri dan kepatuhan kepada Allah SWT, dan ketundukan kepada sunnatullah dengan penuh kerelaan. Menurut penulisan Sharifah Norshah Bani (2018), akidah adalah suatu kepercayaan yang tersimpul dalam hati seorang insan secara kuat dan utuh tanpa ragu-ragu. Justeru menerusi komponen akidah ini akan melahirkan ciri-ciri *muslimat* dan *mukminat* sepertimana yang telah dinyatakan dalam ayat 35 surah al-Ahzab di atas.

Muslimat bererti seorang wanita Islam yang berpegang teguh dengan akidah Islam dan rukun Islam yang sebenar. Rukun-rukun Islam yang lima seperti mengucapkan dua kalimah syahadah, mendirikan solat, menunaikan zakat, menunaikan haji dan berpuasa di bulan Ramadhan. Dengan menuruti perintah yang diturunkan oleh Allah SWT itu, maka akan melahirkan seorang wanita muslimah yang menghiasi peribadi dengan sifat ketaatan, ketaqwaan dan menyerahkan diri dengan patuh kepada Allah SWT.

Manakala *mukminat* pula bermaksud wanita mukminah yang beriman dengan sepenuh keimanan. Keimanan juga merupakan asas bagi penerimaan amal ibadah dan merupakan indikator yang membezakan seorang dengan seorang yang lain di sisi Allah SWT. Oleh itu, seorang muslimah perlu berusaha mencapai ciri mukminah yang akan melayakkan wanita tersebut mendapat hidayah dan kebaikan daripada Allah SWT di dunia dan juga akhirat (Sharifah Norshah Bani, 2018).

2. Komponen Ibadah

Abu Bakr Jabir al-Jaza'iri (1996) mengatakan ibadah ini terbahagi kepada dua aspek iaitu aspek ibadah khusus dan ibadah umum. Ibadah khusus merujuk kepada hubungan manusia dengan Allah SWT seperti solat, zakat, puasa, sedekah dan menunaikan haji. Manakala ibadah umum pula merujuk kepada hubungan manusia sesama manusia untuk mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Dalam ayat 35 surah al-Ahzab tersebut ciri-ciri wanita yang dikategorikan menerusi komponen ibadah ialah *al-Qanitat*, *al-Khashi'at*, *al-Mutasaddiqat*, *al-Sa'imat* dan juga *al-Dhakirat Allah*.

Al-Qanitat bermaksud wanita yang tetap dalam ketaatan, menurut Tafsir Ibnu Kathir *al-Qanitat* berasal daripada patah kata Qunut yang membawa maksud ketaatan dengan penuh ketenteraman. Ketaatan kepada Allah SWT inilah yang seterusnya akan meningkatkan keimanan dan melahirkan rasa ketaqwaan.

Seterusnya, *al-Khashi'at* pula bermaksud wanita yang khushyuk. Sifat khushyuk ini menurut tafsiran Ibnu Kathir, khushyuk adalah ketenangan, ketenteraman, kebaikan, kehormatan, rendah hati, serta membawa rasa takut dan merasa diawasi oleh Allah SWT. Allah SWT juga telah memuji orang-orang yang mempunyai sifat khushyuk ini menerusi surah al-Mukminum antaranya dengan mengatakan

bahawa orang mukmin yang muflih adalah mukmin yang khusyuk di dalam solatnya (Sharifah Norshah Bani, 2018).

Al-Mutasaddiqat pula bermaksud wanita yang bersedekah. Ibnu Kathir dalam kitab beliau juga memberi tafsiran *al-Mutasaddiqat* ini berasal dari patah kata *ash-Shadaqah* yang membawa maksud berbuat baik kepada manusia yang membutuhkan dan kaum dhu'afa' yang tidak memiliki usaha. Beliau mengatakan lagi bahawa tidak ada seorang pengusaha yang memberikan kelebihan hartanya kerana taat kepada Allah SWT dan berbuat baik kepada makhluk-Nya, maka sungguh jelas di dalam ash-Shahiihain bahawa Allah SWT memberi naungan kepada mereka yang bersedekah pada hari yang tidak ada naungan kecuali naungan-Nya sahaja.

Kemudian, *al-Sa'imat* pula bermaksud wanita yang berpuasa. Puasa merupakan satu cara yang terbaik untuk mendidik peribadi agar tetap dalam suruhan Allah SWT kerana dengan berpuasa dapat mencegah diri daripada melakukan perkara yang membatalkannya dan sekaligus menyebabkan orang yang berpuasa tetap dalam kepatuhan kepada Allah SWT.

Sifat yang terakhir dalam komponen ibadah ialah *al-Dhakhirat Allah* iaitu wanita yang mengingati Allah. *Zikrullah* atau mengingati Allah dengan menghadirkan kebesaran Allah SWT di dalam hati, mensucikan Allah SWT dengan lisan daripada sebarang kekurangan dan mensifatkannya

dengan segala bentuk kesempurnaan dengan niat yang betul. *Zikrullah* yang paling agung adalah dengan tilawah al-Quran. Dengan mengingat Allah SWT akan dapat menghilangkan segala tekanan, keluh kesah, dan juga kesempitan jiwa (Sharifah Norshah Bani, 2018).

3. Komponen Akhlak

Seorang pendakwah yang baik mesti mempunyai akhlak dan peribadi yang baik, justeru terdapat beberapa komponen akhlak yang telah digariskan menerusi ayat 35 surah al-Ahzab tersebut iaitu *al-Sadiqat*, *al-Sabirat* dan *al-Hafizat al-furuj*.

Al-Sadiqat bermaksud wanita yang bersifat benar dan jujur. Ibnu Kathir menjelaskan bahawa al-Sadiqat ini berkait dengan masalah perkataan, kerana kejujuran adalah sifat terpuji dan ianya merupakan tanda keimanan manakala pendustaan adalah tanda orang bersifat munafik (Tafsir Ibnu Kathir J.7, 2011).

Manakala *al-Sabirat* pula bermaksud wanita yang bersifat dengan sifat sabar. Sabar adalah merupakan ciri-ciri yang wajib dimiliki oleh pendakwah wanita kerana sabar merupakan sifat yang ada dalam diri pada anbiya' dan juga para Rasul. Sikap sabar ini juga telah ditonjolkan oleh para sahabat seperti serikandi syurga Asiah yang merupakan isteri kepada Firaun yang telah sabar, tabah serta tetap teguh

dengan pengangan akidah meskipun suaminya kufur kepada Allah SWT(Sharifah Norshah Bani, 2018).

Akhir sekali ialah sifat *al-Hafizat al-furuj* yang membawa maksud wanita yang menjaga dan memelihara kehormatan diri. Seorang wanita yang baik akan tetap menjaga maruah diri dan kehormatan daripada dicemari oleh unsur-unsur yang tidak baik dan mazmumah. Justeru, ciri memelihara kehormatan diri ini adalah merupakan sifat *iffah* yang menjadi benteng kepada para wanita(Sharifah Norshah Bani, 2018).

Tanggungjawab Muslimah Dalam Dakwah

Pendakwah muslimah juga mempunyai hak yang sama seperti pendakwah lelaki dalam menyempurnakan tugas dakwah kepada masyarakat. Hal ini kerana wanita berperanan membantu kaum lelaki dalam mencapai dan menjalankan misi dakwah (Nor Hanani, 2010). Ini bertepatan dengan firman Allah SWT di dalam surah al-Taubah (9): 71 sebagaimana berikut:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Dan orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka adalah menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang makruf, mencegah daripada yang mungkar, mendirikan solat, menunaikan zakat

dan mereka taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya, Allah Maha Perkasa, lagi Maha Bijaksana.

Ayat ini turut menyatakan bahawa wanita merupakan penolong bagi kaum lelaki dalam melakukan dakwah dengan menyuruh menyampaikan dakwah amar makruf dan nahi mungkar. Selain itu, mereka juga dilihat memainkan peranan yang besar dalam mendidik masyarakat kerana wanita merupakan ibu kepada anak bangsa dan bertanggungjawab memastikan masyarakat mendapat pendidikan yang sempurna. Tanggungjawab wanita yang menjadi asas ialah mendalami ilmu Islam yang secara khusus mengenai mesej dakwah yang akan disampaikan kepada anak-anak, pelajar dan masyarakat terutama daripada kalangan kaum wanita. Mereka memikul tugas yang besar terutama menjalankan dakwah dalam kalangan wanita supaya bebas daripada ancaman fahaman salah terhadap Islam.

Tugas Menyampaikan dakwah

Tugas muslimah bukan sahaja di rumah, di pejabat tetapi juga di medan dakwah. Peranan pendakwah muslimah sangat mencabar terutama dalam era globalisasi kini yang berhadapan dengan pelbagai isu semasa, fitnah, jenayah, gejala sosial dan penghayatan salah terhadap Islam. Oleh itu pendakwah muslimah perlu memantapkan pengetahuan dan kaedah dakwah supaya mampu menyampaikan dakwah dengan sempurna. Dalam masa yang sama, setiap kali menyampaikan dakwah yang dilaksanakan perlulah dihubungkan dengan tunjang akidah,

panduan syariat, bimbingan akhlak, penggunaan uslub dakwah yang sesuai dan perlu diselarikan dengan isu semasa yang berlaku dalam kalangan masyarakat.

1. Bertunjangkan konsep akidah.

Kesesuaian sesuatu dakwah bergantung kepada mesej dakwah yang dikemukakan. Justeru, para pendakwah muslimah berperanan menyampaikan mesej dakwah yang secara umumnya mesej dakwah tersebut adalah Islam sepenuhnya. Namun, dapat dibahagikan mesej dakwah ini kepada beberapa elemen antaranya ialah melalui konsep akidah ini. Akidah merupakan tunjang utama yang menjadi peranan para pendakwah wanita untuk menyampaikannya kepada masyarakat. Asas akidah ini sesuai digunakan sebagai mesej dakwah tanpa sebarang syak kerana berlandaskan kepada dua sumber sahih iaitu al-Quran dan Sunnah nabawiyah. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT menerusi surah al-Baqarah ayat (2: 285) sebagaimana berikut:

ءَامَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ ۚ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلٌّ ءَامَنَ بِاللَّهِ
وَمَلَائِكَتِهِ ۚ وَكُتُبِهِ ۚ وَرُسُلِهِ ۚ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّن رُّسُلِهِ ۚ وَقَالُوا
سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۚ غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ

Rasul telah beriman kepada al-Quran yang telah diturunkan kepadanya dari Tuhannya, demmikian pula orang yang beriman. Semuanya beriman kepada Allah, malaikat-malaikatNya, kitab-kitabNya, dan rasul-rasulNya. (Mereka mengatakan): “Kami tidak membeza-bezakan antara seorang pun (dengan yang lain) dari Rasul-RasulNya,” dan mereka mengatakan “Kami dengar

dan kami taat.” (Mereka berdoa): “Ampunilah kami, ya Tuhan kami dan kepada Engkaulah tempat kembali.”

Ayat ini menegaskan bahawa unsur akidah terbahagi kepada enam perkara yang juga dikenali sebagai rukun iman. Antaranya ialah kepercayaan yang utuh kepada Allah (s.w.t), malaikat, kitab, rasul, hari kiamat dan qadak qadar Allah (s.w.t). Oleh yang demikian, para pendakwah wanita perlu bijak mencari ruang dalam menyampaikan pendidikan akidah kepada masyarakat terutamanya kepada golongan wanita. Ini kerana, setiap permulaan insan bermula dengan seorang manusia yang bergelar wanita. Baik akidah seorang wanita itu, maka akan terhasillah anak-anak yang berpegang teguh dengan akidah Islam serta terhindar daripada segala kemaksiatan dan perkara mungkar (Nor Raudah, 2013).

2. Berpandukan konsep syariah.

Para pendakwah muslimah juga perlu mendekati masyarakat dengan memberi penekanan kepada mesej dakwah dalam isu syariah. Isu akidah dan syariah merupakan dua elemen mesej dakwah yang penting kerana konsep akidah dan syariah saling berkait diantara keduanya. Kepercayaan dan ketaatan kepada Allah SWT dapat mewujudkan masyarakat yang berpegang teguh dengan ajaran Islam. Iaitu dengan menjalankan ibadah khusus (solat, zakat, puasa, haji, sedekah) dan ibadah umum (*mu'amalah, munakahat*, undang-undang syariah) tanpa wujud sebarang permasalahan di kalangan mereka (Nor Raudah, 2013).

Syariat ini telah diperintahkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran antaranya menerusi surah al-Hajj (22:41) berikut:

الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا
بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ

(iaitu) orang yang jika Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi, nescaya mereka mendirikan solat, menunaikan zakat, menyuruh berbuat yang makruf dan mencegah daripada perbuatan yang mungkar dan kepada Allah lah kembali segala urusan.

Jelas bahawa pensyariaan itu telah dinyatakan oleh Allah SWT di dalam al-Quran kepada manusia untuk dijadikan sebagai panduan utama dalam melakukan dakwah. Justeru, para pendakwah muslimah berperanan menerapkan elemen syariah ini dalam kehidupan masyarakat. Sehubungan itu, untuk mendekati masyarakat dalam menyampaikan mesej dakwah berteraskan amalan syariah ini juga, terdapat pelbagai cara dan pendekatan yang dapat dilakukan oleh pendakwah muslimah. Antaranya ialah dengan bergerak secara berjemaah atau berkumpulan baik melalui agensi kerajaan, pertubuhan kebajikan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan lain-lain pertubuhan, baik di bawah seliaan kerajaan mahupun swasta. Melalui kegiatan berjemaah ini, pendakwah wanita dapat membentuk dan merangka pelbagai program yang mempunyai mesej dakwah berunsurkan syariah ini seperti seminar, kursus, usrah, ceramah, kelas fardu ain, kem penghayatan solat, dan sebagainya lagi (Azyyati, 2015).

3. Pemurnian dalam mendidik akhlak masyarakat dengan akhlak mahmudah.

Mesej dakwah berhubung akhlak juga perlu diberi perhatian oleh pendakwah muslimah dalam membina masyarakat yang bertamadun dan beretika. Ini kerana, Pertembungan sistem, budaya, dan cara hidup sesuatu masyarakat telah mewujudkan pelbagai isu moral dan akhlak. Selain itu, krisis dan konflik yang berlaku dalam dunia semasa hari ini telah mewujudkan banyak kepincangan akhlak dalam diri manusia yang jauh dari keimanan dan ketakwaan (Nor Raudah, 2013). Justeru, penyampaian *mesej* dakwah dalam bab akhlak harus menjadi keutamaan para pendakwah muslimah dalam mencorak kehidupan masyarakat terutamanya kepada kaum wanita itu sendiri.

Peranan pertama yang perlu dijalankan oleh pendakwah muslimah sebelum membentuk akhlak mahmudah dalam diri masyarakat ialah dengan menjadi *qudwah hasanah* kepada masyarakat. Pendakwah sendiri perlu memainkan peranan penting menonjolkan keperibadian yang luhur lagi suci agar ianya menjadi ikutan kepada masyarakat. Hal ini telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam memberi contoh bahawa Rasulullah (s.a.w.) merupakan teladan yang terbaik dalam dakwah. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab (33:21):

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ
الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Sesungguhnya, telah ada pada (diri) Rasulullah itu contoh teladan yang baik bagimu iaitu bagi orang yang mengharap rahmat Allah dan kedatangan hari kiamat dan yang banyak mengingati Allah.

Justeru itu, dalam konteks pendakwah muslimah ini, akhlak mahmudah yang dapat diperlihatkan kepada masyarakat ialah dengan kata-kata yang baik lagi lembut, sabar, hikmah dalam tindakan, menjaga maruah, menutup aurat, dan bersifat dengan sifat seorang muslimah solehah pada sisi Allah SWT.

4. Penggunaan *uslub* dakwah yang sesuai.

Sebelum memulakan aktiviti dakwah, para pendakwah muslimah berperanan mengetahui apakah *uslub* dakwah yang sesuai digunakan sepanjang tempoh penyampaian dakwah mereka. Justeru, *uslub* dakwah secara umumnya melibatkan pemilihan mesej dakwah, pemilihan bentuk gaya persembahan, pemilihan sudut strategi, pemilihan bentuk tarikan dan pemilihan wasilah mengikut kesesuaian konteks sasaran (*mad'u*). Oleh itu, sekiranya pendekatan yang digunakan dalam dakwah itu adalah tidak relevan, maka dakwah yang disampaikan itu tidak akan memberi kesan bahkan mengakibatkan kesan negatif dan lari daripada matlamat asal seruan itu disampaikan (Ab. Aziz Mohd Zin, 1993). Antara *uslub* dakwah yang terkandung dalam al-

Quran dapat dilihat sebagaimana firman Allah SWT dalam surah An-Nahl ayat 125:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik, dan bantahlah dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalanNya dan Dialah yang lebih mengetahui orang yang mendapat petunjuk.

Ayat ini juga menjadi tajuk perbincangan kepada *uslub* dakwah, iaitu berhubung dengan cara, kaedah atau pelaksanaan dalam menyampaikan mesej dakwah. Ketiga-tiga *uslub* dakwah ini iaitu *hikmah*, *al-mau'izah al-hasanah*, dan *al-mujadalah al-husna* sesuai untuk diaplikasikan pada sepanjang masa dan pelbagai tempat. Di kalangan sebahagian pengkaji ilmu dakwah pula, ketiga-tiga *uslub* ini dikenali dengan istilah '*manhaj rabbaniyyah*', iaitu merujuk kepada metodologi yang bersumberkan wahyu Allah SWT yang sangat pasti dan mutlak kebenarannya (Zulkiple Abd Ghani , 2010). Justeru itu, para pendakwah muslimah ini berperanan memilih *uslub* yang sesuai sebelum menyampaikan dakwah kepada masyarakat.

Dalam al-Quran sendiri telah menunjukkan cara bagaimana untuk menggunakan *uslub* dakwah ini dengan baik

melalui penceritaan Allah SWT dalam kisah-kisah para Rasul terdahulu. Antaranya ialah berdakwah dengan hikmah seperti kisah yang terjadi di antara dialog Nabi Ibrahim (a.s.) dengan ummat baginda dalam surah al-An'am pada ayat (6:78):

فَلَمَّا رَأَى الشَّمْسُ بَازِغَةً قَالَ هَذَا رَبِّي هَذَا أَكْبَرُ فَلَمَّا أَفَلَتْ قَالَ
يَقَوْمِ إِنِّي بَرِيءٌ مِّمَّا تُشْرِكُونَ

Kemudian tatkala dia melihat matahari terbit, dia berkata, "Inilah Tuhanku, ini lebih besar," maka tatkala matahari itu terbenam, dia berkata: "Wahai kaumku! Sesungguhnya aku berlepas diri daripada yang kamu persekutukan."

Kemudian, uslub dakwah *al-mau'izah al-hasanah* pula dapat disoroti melalui kisah yang berlaku antara Luqman dan anaknya yang disebut dalam firman Allah SWT dalam surah Luqman (31:13):

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ
لَظُلْمٌ عَظِيمٌ

Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, ketika dia memberi pelajaran kepadanya: "Wahai anakku! Janganlah engkau mempersekutukan Allah, sesungguhnya mempersekutukan (Allah) adalah benar-benar kezaliman yang besar."

Manakala uslub dakwah *al-mujadalah al-husna* pula dapat dilihat melalui seperti kisah Firaun yang bersifat keras hati, penuh dengan kebongkakan dan sombong. Allah SWT

memerintahkannya Nabi Musa dan Nabi Harun memujuknya dengan kata-kata yang lemah-lembut. Sebagaimana Allah SWT menyatakan dalam surah Taha ayat (20: 44):

فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لِّنَا لَعَلَّهُ وَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ

Maka berbicaralah kamu berdua kepadanya (Firaun) dengan kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan dia beringat atau takut.

Jelas bahawa, *uslub* dakwah adalah signifikan bagi memastikan mesej dakwah yang disampaikan lebih menepati citarasa sasaran dakwah khususnya daripada kalangan wanita itu sendiri. Hal ini kerana ianya merupakan elemen penting dalam mengolah mesej-mesej dakwah yang bakal disampaikan oleh para pendakwah baik pendakwah muslimin mahupun muslimah. Mesej dakwah ini selari dengan *uslub* dakwah yang terkandung di dalam al-Quran sebagaimana contoh-contoh di atas. Ini akan membantu para pendakwah mengatasi tahap kesukaran dalam menyampaikan dakwahnya dengan merujuk kepada *uslub* dakwah yang digunakan oleh al-Quran. Jika betul *uslubnya*, maka mudahlah tercapai matlamatnya dan begitulah sebaliknya (Fariza et. al, 2016).

5. Penyesuaian mesej dakwah selari perbahasan isu semasa.

Para pendakwah muslimah juga berperanan menyesuaikan mesej dakwah selari dengan isu semasa yang berlaku disekitar

mereka. Sikap ambil peduli di kalangan para pendakwah muslimah mendekati kaum hawa akan membuatkan mereka lebih percaya untuk berkongsi segala permasalahan yang berlaku dalam hidup. Ini sekaligus akan menyebabkan pendakwah muslimah bertanggungjawab menyelesaikan setiap permasalahan yang wujud itu. Oleh demikian, dengan adanya penyampaian *mesej* dakwah berkait dengan isu semasa ini dapat membantu masyarakat membina kekuatan spiritual, intelektual, material, serta mampu berdikari menangani pelbagai cabaran kehidupan masa kini (Nor Raudah, 2013).

Selain menyebarkan dakwah secara bersemuka kepada sasaran dakwah atau kaum hawa itu sendiri, terdapat beberapa cara lain untuk membantu masyarakat antaranya melalui penglibatan pendakwah muslimah menerusi media sosial yang sememangnya dekat dengan pelbagai isu semasa yang terjadi kini. Ini dapat dilihat melalui ceramah agama di majlis terbuka mahupun dalam rancangan bercorak agama di televisyen (Mimi Hanida, 2011). Selain itu, seiring teknologi yang kian maju ini, terdapat wasilah dakwah lain dalam menyampaikan dakwah di laman sesawang seperti *facebook*, *whats up*, *telegram*, *blog*, dan sebagainya lagi.

Temuan Awal Kajian

Kajian ini menemukan beberapa keperluan pendakwah muslimah dalam dakwah kontemporari kepada masyarakat. Komponen yang diperlukan oleh pendakwah muslimah

antaranya ialah mempunyai ciri-ciri peribadi sebagai pendakwah wanita yang baik, bertanggungjawab dalam menjalankan tugas menyampaikan dakwah, dan menggunakan pendekatan dakwah yang terbaik dengan berkonsepkan kepada akidah, syariah, akhlak, uslub dakwah dan juga isu semasa.

Para pendakwah muslimah perlu memahami peranan mereka dalam menyampaikan dakwah berkonsepkan kepada isu akidah. Abu A'la al-Mawdudi (1980) juga mengatakan bahawa aspek akidah diperkatakan dalam penyampaian mesej dakwah untuk meneguhkan kepercayaan umat dan memberi kepastian kepada umat tentang kekuasaan Allah SWT. Kefahaman berkaitan konsep keimanan diperkatakan dalam penyampaian dakwah agar *mad'u* mampu untuk menghayatinya dan melahirkan rasa ketaatan dalam hidup beragama.

Manakala, peranan pendakwah muslimah dalam bab syariah pula dapat melahirkan masyarakat yang cakna tentang keperluan pelaksanaan ibadat sebagai tanda tunduk dan taat kepada Allah (s.w.t) (Nor Raudah, 2013). Antara pendekatan menyampaikan mesej dakwah berunsurkan syariah ini seperti seminar, kursus, usrah, ceramah, kelas fardu ain, kem penghayatan solat dan sebagainya lagi (Azyyati, 2015).

Selain itu, pendakwah muslimah berkemampuan dalam menyampaikan dakwah selari dengan akhlak mahmudah yang telah ditetapkan oleh Islam. Menurut Abdul Karim Zydan (2002), akhlak Islam ini mengajak manusia melakukan segala bentuk akhlak yang mulia dan memelihara keperluan manusia

yang inginkan kesejahteraan dan ketelusan dalam kehidupan. Oleh demikian, segala akhlak *mazmumah* (keji) seperti penyelewengan, menipu, pecah amanah, khianat, zalim, penyalahgunaan kuasa dan sebagainya lagi akan merosakkan sistem kehidupan bermasyarakat.

Selari dengan tanggungjawab pendakwah muslimah menyampaikan dakwah berteraskan konsep akidah, syariah dan akhlak, mereka juga perlu berusaha melahirkan tenaga pelapis dalam kalangan muslimah sebagai kesinambungan melaksanakan tanggungjawab dakwah Islamiah. Uslub dakwah yang digunakan dalam mengolah kebijaksanaan, kemurniaan kata, dan perdebatan yang baik perlu dimasukkan dalam gaya penyampaian mesej dakwah mereka. Seterusnya melengkapkan mesej-mesej dakwah tersebut dengan penambahan isu semasa yang dapat membuka minda masyarakat untuk terus beramal dengan amalan Islam (Nor Raudah, 2013).

Kesimpulan

Tanggungjawab pendakwah muslimah dalam menyampaikan mesej dakwah kepada masyarakat amatlah luas sebagaimana yang dinyatakan dalam penulisan kajian ini. Mesej dakwah yang disampaikan mestilah meliputi persoalan akidah, syariah, akhlak, dan juga isu semasa. Oleh yang demikian, terdapat pelbagai cara yang dapat digunakan dalam menyempurnakan penyampaian dakwah tersebut antaranya ialah menggunakan *uslub* dakwah yang sesuai seperti *uslub* dakwah

secara hikmah, secara nasihat dan juga secara perdebatan dan ditambah kefahaman masyarakat dengan penambahan isu semasa.

Daftar Pustaka

- Ab. Aziz Mohd Zin et.al. (2006). *Dakwah Islam di Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Ab. Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodologi Dakwah*. Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Ab. Aziz Mohd Zin. (1993). *Syahadah Ibadah Asabiah Dakwah*. Petaling Jaya: Tempo Publishing.
- Abdul Karim Zaidan. (2002). *Islam Dan Dakwah (Usul al-Da'wah) (terj. Solehan bin Ayub)*. Pustaka Salam Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Abdullah Bin Muhammad Bin Abdurrahman Alu Syaikh terj. M. Abdul Ghoffar. (2011). *Tafsir Ibnu Khathir, J7, h.284*. Pustaka Imam Asy-Syagi'i. Jakarta.
- Abu Bakr Jabir al-Jaza'iri. (1996). *Minhaj al-Muslim* (terj. Drs Hasanuddin). Litera Antara Nusa. Jakarta.
- Ahmad bin Hanbal. (2001). *Musnad, Hadis Ummu Salamah Zauj al-Nabi Sallallahu 'Alayhi wa Sallam*, j.44, no hadis 26575, h.199.
- Al-Mawdudi, Abul A'la. (1980). *Towards Understanding Islam*. The Islamic Foundation. Leicester.
- Azyyati Mohd Nazim, Fariza Md Sham & Salasiah Hanim Hamjah. (2012). *Khidmat Sosial Wanita Pada Zaman Rasulullah SWT*. Jurnal Al-Hikmah 4 (37-49)
- Azyyati Mohd Nazim. (2015). *Aktiviti-Aktiviti Pendakwah Wanita NGO Islam dan Pengaruhnya Terhadap Dakwah Remaja Berisiko*. E-Proceeding of the 2nd International

Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization, iCASiC2015 (e-ISBN 978-967-0792-02-6), 9-10 March 2015, Kuala Lumpur, Malaysia.

Fariza Hanan Muhamad, Kalthom Husain & Puziah Abdul Wahab (2016). *Uslub Dakwah Menurut Perspektif Al-Quran*. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2016. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Louis Ma'luf. (1972). *Al-Munjid Fi Al-Lughah Wa Al-Adab Wa Al-Ulum*. Al-Maktabh al-Khatulikiyyah. Beirut.

Mimi hanida Abdul Mutalib. (2011). Pembinaan dan Pengukuhan Identiti Sebagai da'i: Pengalaman pendakwah wanita di Malaysia. *GEOGRAFIA Online TM Malaysia Journal of Society and Space* 7 issue 3 (66-74) 67, ISSN 2180-2491

Nor Hanani Mohd Nor. (2010). *Peranan Wanita Dalam Dakwah Mengikut Perspektif Al-Quran: Kajian Surah Ali 'Imran*. Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

Nor Raudah Hj. Siren. (2013). *Retorik Penulisan Dakwah*. Penerbit Universiti Malaya. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods (2nd ed.)*. Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.

Sharifah Norshah Bani Syed Bidin. (2018). *Citra Jadi Diri Wanita Menurut Pespektif al-Quran*. Prosiding International Seminar On al-Quran in Contemporary Society. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). ISBN 978-967-0899-96-1 (2018)

Taylor, SJ dan R Bogdan. (1984). *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search For Meanings*. Second Edition. John Wiley and Sons. Toronto.

Zulkipl Abd Ghani. (2010). *Dakwah Dalam Era Siber*. Universiti Sains Islam Malaysia: Perpustakaan Negara Malaysia.